

10 anggota MT dilantik dikenal pasti

Oleh Kadir Dikoh

BH 2 3 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Sepuluh anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dilantik dan Ketua Perhubungan Negeri sudah dikenal pasti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno berkata, beliau sudah berbincang mengenai pelantikan itu dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi keputusan muktamad belum dibuat lagi.

"Sudah ada perbincangan dengan Dr Mahathir) tetapi tak ada keputusan lagi. Setakat meninjau sahaja. Soal siapa (yang dilantik), kena tanya presiden," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Perkhidmatan Awam Kebangsaan di Bukit Kiara, dekat sini hari ini.

Mesyuarat MT Umno yang akan diadakan di Ipoh, Perak pada 3 Julai ini, negeri pertama menjadi tuan rumah mengikut penggiliran tempat mesyuarat. dijangka memuktamadkan pelantikan itu.

Bulan lalu, Dr Mahathir pernah menyatakan bahawa beliau perlu berbincang dengan Abdullah, yang ketika itu sedang ber-

cuti di luar negara, terlebih dahulu mengenai soal pelantikan itu.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisi melalui pemilihan perhimpunan agung dan 10 lagi dilantik oleh Presiden.

Abdullah juga enggan mengulas apabila ditanya mengenai kemungkinan pakar agama turut dilantik sebagai ahli MT seperti dilaporkan "Wawasan Merdeka" iaitu akhbar rasmi Umno dalam keluaran terbarunya.

Mengenai mesyuarat MT di Ipoh itu, beliau berkata ia bagi membolehkan pemimpin Umno di kalangan ahli MT untuk menemui pemimpin parti di peringkat negeri termasuk dari bahagian dan cawangan.

"Ini adalah baik. Bila berlaku pendekatan ini, pemimpin dan ahli biasa dapat bertemu, berbincang dan bertukar pandangan atau berpeluang mendengar masalah mereka, ia akan menjalin persefahaman yang amat baik.

"Malah, pihak pemimpin atasan pula boleh memberi pandangan apakah pula masalah yang kita

hadapi pada peringkat kita. Ini bukan sahaja mengeratkan perpaduan dan kerjasama antara pemimpin dan ahli biasa malah akan membantu meningkatkan lagi keberkesanan kerja-kerja kita dalam menjayakan perjuangan parti," katanya.

Abdullah berharap pendekatan menggilirkan tempat mesyuarat di antara Kuala Lumpur dan negeri memberi banyak kebaikan. Selepas Perak, mesyuarat MT itu akan diadakan di ibu negara sebelum diadakan semula di peringkat negeri secara bergilir.

Mengenai kemungkinan mesyuarat Kabinet turut diadakan di peringkat negeri, Timbalan Perdana Menteri berkata ia lebih sesuai diadakan di ibu negara memandangkan mesyuarat selepas kabinet turut diadakan di antara menteri dan pegawainya pada hari yang sama.

Bagaimanapun, katanya, mesyuarat Kabinet pernah diadakan di luar Kuala Lumpur seperti di Langkawi dan Pulau Pinang sebelum ini kerana kebetulan pada masa yang sama, jemaah menteri terlibat dalam program lain di situ.